



TEKS UCAPAN

YANG BERTHORMAT

DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL KOMPETENSI

TEKNIKAL JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

TAHUN 2023

2 NOVEMBER 2023

DEWAN PUSAT KECEMERLANGAN KEJURUTERAAN

DAN TEKNOLOGI (CREaTE) JKR

ALOR GAJAH, MELAKA

SALUTASI

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Yang Berbahagia

Datuk Seri Haji Hasnol Zam-Zam bin Haji Ahmad
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia

Yang Berbahagia

Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pembangunan)
Jabatan Kerja Raya

Yang Berbahagia

Datuk Ir. Ahmad Redza bin Ghulam Rasool
Ketua Pengarah Kerja Raya

Yang Berbahagia

Datuk Sr Amran bin Hj. Mohd Majid
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)

Yang Berbahagia

Dato' Ir. Hj. Zulkipli bin Hj. Nasri
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Infra)

Yang Berusaha

Ir. Hj. Badioezaman bin Hj. Ab Khalik
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Bangunan)

Yang Berusaha

Ir. Mohd Shahrom bin Ahmad Saman
Pengarah Kanan
Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan Dan Teknologi JKR (CREaTE)

Pegawai Kanan Kementerian Kerja Raya,

Pengarah Kanan,

Pengarah Cawangan dan Negeri

Pegawai Kanan Jabatan Kerja Raya,

Pemilik Kompetensi,

Panel Penilai,

Penerima Anugerah Sijil Kompetensi Teknikal,

Yang Berbahagia Datuk Seri, Dato', Datin,

Tuan dan Puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

Selamat Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam CREaTE The Future.

- 1) Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada urus setia atas kesudian menjemput saya pada hari ini dan saya berbesar hati menyampaikan sepatah dua kata bersempena dengan **MAJLIS PENGANUGERAHAN SIJIL KOMPETENSI TEKNIKAL JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA TAHUN 2023.**
- 2) Tahniah dan syabas kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE), JKR selaku pemilik program dan warga kerja yang telah terlibat dalam menjayakan Program Pensijilan Kompetensi Teknikal Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2023 serta majlis penganugerahan pada hari ini. Tidak dilupakan, setinggi ucapan tahniah juga saya ucapkan kepada semua penerima anugerah Sijil Kompetensi Teknikal bagi tahun 2023 termasuk semua Pemilik Kompetensi dan Panel Penilai.

- 3) Tentunya, ini merealisasikan Pelan Strategik 2021-2025 Jabatan Kerja Raya di bawah Tema 3; aspek kompetensi pegawai dan kakitangan diberi keutamaan bagi memastikan JKR sentiasa berdaya saing khususnya dalam bidang teknikal. Ini sekaligus melahirkan pakar rujuk dan khidmat nasihat dalam bidang teknikal secara strategik secara berperingkat dan sistematik.
- 4) Tema Program Pensijilan Teknikal JKR Malaysia 2023; **“Kompetensi Teknikal Pemangkin Kecemerlangan Negara”** mengungguli tiga (3) nilai teras Malaysia MADANI. Kemampanan, Keyakinan dan Daya Cipta melestari peningkatan kompetensi dan daya saing modal insan meletakkan Malaysia sebagai sebuah negara progresif dan berkemahiran tinggi.
- 5) Justeru, pada hari ini saya turut difahamkan, seramai 383 orang penerima sijil terdiri daripada pegawai pelbagai disiplin diperakukan dengan cemerlang. Saya difahamkan, berdasarkan statistik yang diterima, bagi tahun 2023 seramai 44 orang penerima pensijilan tahap 4 iaitu peningkatan 100% daripada tahun 2022. **Tahniah dan Syabas sekali lagi saya ucapkan.**
- 6) Saya yakin mereka yang telah ditauliahkan ini, akan menjadi pegawai rujukan utama teknikal bukan sahaja di JKR waima jabatan luar serta pemain industri.

PELAKSANAAN PROGRAM PENSIJILAN KOMPETENSI TEKNIKAL JABATAN KERJA RAYA

Hadirin yang dihormati,

- 7) Inisiatif yang dilaksanakan oleh JKR dalam membangun dan melaksanakan Program Pensijilan Kompetensi Teknikal Jabatan Kerja Raya Malaysia bermula pada tahun 2016 ini pada awalnya tertumpu kepada kompetensi disiplin awam.
- 8) Kemudiannya, pada tahun 2017, JKR mengambil inisiatif kehadapan memperluaskan program ini kepada empat (4) disiplin tambahan iaitu disiplin kejuruteraan mekanikal, elektrik, arkitek dan ukur bahan. Bagi tahun ini, bilangan disiplin diperkukuhkan menjadi enam (6) disiplin merangkumi kompetensi pengurusan aset, kompetensi pengangkutan darat dan kompetensi kelestarian alam sekitar. **Tahniah JKR.**
- 9) Keseluruhannya, JKR telah berjaya melahirkan seramai **2,513 orang** pegawai berkepakaran tinggi dalam bidang masing-masing. **Tahniah sekali lagi diucapkan.**
- 10) Saya berharap, jumlah pegawai berkepakaran tinggi yang dihasilkan ini tidak hanya tinggal sekadar angka. Saya tekankan, kita perlu bergerak ke hadapan dan beradaptasi dengan teknologi baru bagi mengoptimumkan pencapaian perancangan strategik JKR yang sekaligus dapat

memanfaatkan rakyat dan negara. Saya menggalakkan semua pegawai untuk berani mencuba perkara baru terutamanya yang melibatkan teknologi dan inovasi baru bagi membawa perubahan cara kerja dan hasil yang lebih efisien. Melangkah ke hadapan, ini akan menjadi hala tuju Kementerian dan semua agensi di bawahnya.

11) Berikutan dengan anjakan paradigma teknologi global yang dinamik, kita harus mengambil peluang ini untuk menerokai teknologi-teknologi baharu khususnya oleh bakat tempatan yang mampu menghasilkan inovasi dalam meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat seiring dengan misi dan visi KKR dan agensinya.

12) Dalam hal ini, saya menyeru agar kita dapat mempertingkatkan dan mempererat lagi jalinan kerjasama strategik bersama pemain industri yang relevan dalam memperkasakan inisiatif kolaboratif bagi merealisasikan pembangunan infrastruktur yang mampan. Kita harus berganding bahu dan bergerak sebagai satu pasukan yang mantap. Cara kerja secara 'Silo' harus diketepikan.

13) Di kesempatan ini, saya ingin mencadangkan agar satu program "Sandbox" Infrastruktur Jalan Pintar diperkenalkan sebagai satu platform inovasi yang membolehkan integrasi teknologi dikaji dan diuji bagi urusan pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur jalan secara inklusif di seluruh

negara. Melalui program ini, KKR amat mengalu-alukan penglibatan pemain industri tempatan dan antarabangsa serta agensi Kerajaan untuk bersama-sama merealisasikan program ini, selaras dengan aspirasi kempen MYJalan dan hasrat kerajaan untuk memperkasakan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) dengan penggunaan teknologi berketepatan tinggi dan efisien.

14) Saya difahamkan sudah ada program rintis sebegini iaitu **Sandbox Lebuhraya Pintar** inisiatif oleh Plus Malaysia Berhad (Plus) bersama-sama Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) dan 'The Construction Sandbox' antara The National Technology & Innovation Sandbox (NTIS) dan The Construction Research Institute of Malaysia (CREAM).

15) Justeru, adalah bertepatan masanya untuk KKR memperkenalkan "Sandbox Infrastruktur Jalan Pintar" bagi memanfaatkan 33.4 juta penduduk Malaysia yang menggunakan infrastruktur jalan negara. Saya percaya dengan adanya program ini, inisiatif inovasi hasil daripada kepakaran dan pengetahuan sedia ada di KKR dan agensi dapat diketengahkan untuk diuji keefisienannya.

Hadirin yang dihormati,

16) Dalam kita mendepani cabaran untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat, saya percaya kompetensi dan profesionalisme pegawai-pegawai JKR amatlah penting. Pelancaran **Kempen**

MYJalan oleh YAB Perdana Menteri pada 24 Ogos lalu, memberi cabaran dan dimensi baru dalam memperkasakan penyampaian perkhidmatan oleh pegawai-pegawai teknikal, terutamanya dalam pengurusan dan penyelenggaraan jalan raya.

- 17) Saya harap tuan-tuan dan puan-puan semua dapat menghayati semangat kempen ini, dan sekaligus dapat menjadi barisan hadapan Kementerian dan Agensi dalam merealisasikan kejayaan kempen MYJalan ini.
- 18) Justeru, besar harapan saya semoga Program Pensijilan Kompetensi Teknikal Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2023 ini akan terus memperkukuhkan reputasi JKR Malaysia sebagai agensi teknikal kerajaan yang unggul dan terulung.
- 19) Akhir kata, setinggi-tinggi tahniah dan syabas sekali lagi saya ucapkan kepada semua penerima anugerah. Dengan ini, saya merasmikan **Majlis Program Pensijilan Kompetensi Teknikal Jabatan Kerja Raya Malaysia Tahun 2023.**

Sekian.

Terima kasih.